

Pengaruh Kefahaman Terhadap Pengamalan Islam Saudara Muslim Tentera Darat Malaysia

BITARA

Volume 8, Issue 1, 2025: 168-175
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 5 January 2024
Accepted: 28 January 2024
Published: 14 February 2025

[The Influence of Understanding on The Practice of Islam among Muslim Brothers in The Malaysian Army]

Nazri Yahya¹, Zahimi Zainol Abidin¹ & Daud Mohamed Salleh¹

¹ Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Perdana Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur. E-mail: shazree85@gmail.com; zahimi@upnm.edu.my; mdaud@upnm.edu.my

*Corresponding Author: shazree85@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh kefahaman terhadap pengamalan Islam dalam kalangan saudara Muslim Tentera Darat Malaysia (TDM). Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, populasi kajian melibatkan 311 saudara Muslim, di mana 155 responden dipilih melalui pensampelan purposif. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik yang disesuaikan dan dianalisis dengan IBM SPSS versi 30.0. Keputusan menunjukkan nilai kebolehpercayaan instrumen yang tinggi ($\Alpha_{Cronbach} > 0.9$), dengan korelasi positif yang signifikan antara kefahaman dan pengamalan Islam ($r = 0.736$). Analisis regresi mendapati kefahaman mempunyai pengaruh signifikan terhadap pengamalan Islam ($\beta = 0.843$, $t = 10.199$, $p < 0.05$). Hasil kajian ini menekankan kepentingan pendidikan dan bimbingan agama untuk meningkatkan tahap kefahaman sebagai asas kepada pengamalan agama yang sempurna dan menyeluruh. Penemuan ini memberikan implikasi penting bagi Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dalam merangka program dakwah dan pendidikan kerohanian yang lebih efektif kepada saudara muslim.

Kata kunci: Kefahaman, pengamalan Islam, saudara muslim

Abstract

This study aims to analyse the influence of understanding on the practice of Islam among Muslim converts in the Malaysian Army (TDM). Using a quantitative approach, the study population involved 311 Muslim converts, with 155 respondents selected through purposive sampling. Data were collected using a tailored questionnaire and analysed with IBM SPSS version 30.0. The results showed high reliability of the instrument ($\Alpha_{Cronbach} > 0.9$), with a significant positive correlation between understanding and the practice of Islam ($r = 0.736$). Regression analysis found that understanding significantly influenced the practice of Islam ($\beta = 0.843$, $t = 10.199$, $p < 0.05$). This study highlights the importance of religious education and guidance in enhancing understanding as a foundation for more perfect and holistic religious practices. The findings provide significant implications for the Malaysian Armed Forces Religious Corps (KAGAT) in designing more effective spiritual development and religious education programs to Muslim brothers.

Keywords: Understanding, practice of Islam, Muslim brothers



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Nazri Yahya, Zahimi Zainol Abidin & Daud Mohamed Salleh. (2025). Pengaruh Kefahaman Terhadap Pengamalan Islam Saudara Muslim Tentera Darat Malaysia [The Influence of Understanding on The Practice of Islam among Muslim Brothers in The Malaysian Army]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(1): 168-175.

Pengenalan

Sebagai seorang Muslim, kita dituntut untuk beramal dengan penuh kesempurnaan kerana kesempurnaan dalam pengamalan agama adalah kunci untuk mencapai keredaan Ilahi. Pengamalan Islam yang sempurna merangkumi pelbagai aspek kehidupan seorang Muslim sama ada yang wajib seperti solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, berzakat dan menunaikan haji di Mekah, maupun yang sunat seperti membaca Al-Quran, bersedekah dan berdoa dan sebagainya. Semua aspek ini bukan sahaja merupakan kewajipan malahan ia merupakan cara untuk mendekatkan diri kepada Allah, memperkuat keimanan diri sebagai seorang Muslim dan memperbaiki hubungan dengan sesama manusia serta alam sekitar.

Begitu juga, mereka yang baru memeluk Islam atau dikenali sebagai mualaf tidak terkecuali dalam tuntutan untuk mengamalkan Islam secara sempurna. Mualaf atau lebih dikenali dengan gelaran saudara baru atau saudara Muslim dalam konteks Malaysia merujuk kepada individu-individu yang telah memeluk agama Islam setelah meninggalkan agama asal mereka. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2023), istilah mualaf berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud "orang yang menerima atau mengakui agama Islam". Manakala Zulfikaar dan Zaifuddin (2023) menjelaskan bahawa mualaf bermaksud seseorang individu yang asalnya bukan beragama Islam lalu memilih untuk memeluk Islam dengan melafazkan dua kalimah syahadah di hadapan dua orang saksi.

Dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga terdapat anggota-anggota daripada tiga cabang perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang memeluk Islam saban tahun (KAGAT, 2023). Justeru, Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) yang berperanan sebagai organisasi dakwah dalam ATM bertanggung jawab dalam aspek mengurus tadbir hal ehwal dan keperluan anggota tentera mualaf dari awal proses memeluk Islam, menguruskan segala dokumentasi seterusnya memberi pendidikan Islam dan bimbingan kerohanian kepada mereka melalui kursus-kursus dan program-program dakwah yang dianjurkan sama ada di peringkat pasukan mahu pun formasi (KAGAT, 2014).

Pernyataan Masalah


Kefahaman terhadap ajaran Islam merupakan asas penting bagi anggota mualaf dalam menyesuaikan diri dengan identiti agama yang baharu. Kajian oleh Rashidi dan Azmil (2020) menunjukkan bahawa kekurangan bimbingan agama, bahan pendidikan yang tidak mesra mualaf serta kekangan bahasa menjadi antara faktor utama yang menghalang kefahaman yang mendalam anggota mualaf terhadap ajaran Islam. Kajian oleh Azmi (2019) pula mendapat

bahawa kebanyakan mualaf dalam tentera sering mendapat bimbingan agama yang terhad akibat komitmen kerja yang tinggi. Kekurangan kefahaman ini bukan sahaja menyukarkan mereka untuk menjalankan ibadah dengan sempurna malahan boleh menjelaskan keyakinan mereka terhadap agama Islam.

Oleh yang demikian, objektif kajian adalah untuk mengukur sejauh manakah tahap kefahaman mempengaruhi pengamalan Islam dalam kalangan saudara Muslim TDM berdasarkan usaha-usaha dakwah yang telah dilaksanakan oleh KAGAT. Adakah program-program dakwah telah berjaya dan berkesan dalam memberi faham dan mendidik saudara Muslim TDM menjadi insan yang *mukmin, muhsin* dan *muttaqin* sekali gus dapat meningkatkan tahap pengamalan dalam diri setiap anggota bagi menjadi Muslim yang terbaik.

Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, sebuah kerangka konseptual telah dihasilkan seperti rajah di bawah:



Rajah 1: Kerangka Konseptual bagi Pengaruh Kefahaman Terhadap Pengamalan Islam Saudara Muslim Tentera Darat Malaysia

Berdasarkan Rajah 1, hipotesis yang diuji ialah:

H1: Terdapat hubungan yang positif antara kefahaman dengan pengamalan Islam Saudara Muslim Tentera Darat Malaysia.

Sorotan Literatur

Menurut Siti Aishah et al. (2021), pengamalan Islam merupakan manifestasi daripada tahap penghayatan agama yang tinggi. Penghayatan agama yang mendalam cenderung meningkatkan amalan seseorang terhadap ajaran Islam. Abdullah et al. (2020) pula menjelaskan bahawa individu Muslim yang konsisten dalam mengamalkan ajaran Islam lazimnya memiliki akhlak yang baik. Hal ini disebabkan oleh ketiauan mereka terhadap perintah agama, yang seterusnya menjauhkan mereka daripada perkara-perkara yang dilarang oleh Allah dan Rasul-Nya. Sebaliknya, pengamalan Islam yang rendah membuka peluang kepada individu untuk terjerumus dalam perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam yang akhirnya memberi kesan negatif terhadap akhlak mereka. Seterusnya Najwa dan Norsaleha (2022) menjelaskan bahawa pengamalan Islam merupakan tindakan dan ritual yang dilakukan oleh individu atau masyarakat sebagai sebahagian daripada iman mereka.

Al-Ghazali (2000) mendefinisikan kefahaman sebagai pengetahuan yang mendalam dan menyeluruh terhadap ajaran Islam yang melibatkan pemahaman sumber utama seperti Al-Quran dan Hadis serta penerapan prinsip-prinsip syariah dalam kehidupan harian. Menurut pandangan Zuhayli (2002) pula, kefahaman dalam ilmu Islam bukan sahaja merujuk kepada aspek teori tetapi juga melibatkan pengamalan ajaran tersebut. Oleh itu, kefahaman yang hakiki ialah kefahaman yang mendorong tindakan yang sejajar dengan ajaran Islam, termasuk dalam aspek ibadah, syariah, dan akhlak.

Justeru, secara amnya kita dapat bahawa kefahaman yang baik akan memberi kesan kepada tahap pengamalan seseorang. Hal ini terbukti dengan kajian Remiswal (2022) yang mendapati kecerdasan emosi dan pembelajaran pendidikan agama Islam secara langsung mempunyai pengaruh positif dan signifikan terhadap tingkah laku keagamaan pelajar sekolah menengah.

Metodologi Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada saudara muslim dalam TDM. Pengkaji menggunakan kaedah pensampelan purposif iaitu responden akan dipilih daripada pasukan-pasukan di bawah TDM. Kajian telah dilakukan pada bulan 18 hingga 22 Disember 2024. Mengikut statistik yang diperoleh daripada Sel Ahwal Sahsiah, Jabatan Arah KAGAT, jumlah saudara muslim TDM berakhir bulan Disember 2023 adalah seramai 311 orang (KAGAT, 2023). Menurut jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), bagi populasi saudara muslim TDM seramai 311 orang, maka bilangan sampel yang terbaik adalah seramai 155 orang.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini pula ialah set borang soal selidik yang mengandungi 31 soalan. Soal selidik ini menggunakan instrumen yang telah dibina oleh Adilah (2021) dan Roslinda (2018). Walau bagaimanapun instrumen tersebut telah diubah suai dan juga dibina semula berdasarkan keperluan kajian dan sasaran responden kajian. Soal selidik ini menggunakan skala *Likert* lima mata terbahagi kepada lima kategori iaitu 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= tidak pasti, 4= setuju dan 5= sangat setuju.

Data yang diperoleh dan dikumpulkan daripada responden dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan perisian IBM *Statistical Packages for Social Science* (SPSS) versi 30.0. Medium statistik untuk kerja sosial memudahkan pengkaji memperoleh data dan menganalisis data kuantitatif secara cepat dan mudah (Borg dan Gall 1979; Bryman, 2001). Pengkaji menguji kesahan dan kebolehpercayaan item dan instrumen kajian kemudiannya melakukan proses ujian Korelasi *Pearson* dan ujian regresi.

Dapatan Kajian


Tahap kebolehpercayaan item diukur dan diuji melalui nilai *Alpha Cronbach* yang dihasilkan menggunakan perisian SPSS. Dapatan analisis mendapati bahawa nilai kebolehpercayaan item adalah melebihi 0.9 seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa instrumen tersebut berada dalam skala pengukuran yang tinggi sebagaimana yang disarankan oleh Henseler et al., (2015) serta Sekaran dan Bougie (2020).

Jadual 1: Keputusan Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan Item dan Instrumen Kajian

Konstruk	Jumlah Item	<i>Alpha Cronbach</i>
Kefahaman	10	0.962
Pengamalan Islam	10	0.905

Seterusnya analisis korelasi *Pearson* digunakan untuk mengkaji tahap korelasi antara dua boleh ubah kuantitatif (Ary et al., 2002). Hasil analisis korelasi pula menunjukkan nilai korelasi *Pearson* sebanyak 0.736 antara tahap pengamalan Islam dan kefahaman. Hal ini menunjukkan hubungan positif yang kuat antara kedua-dua konstruk tersebut. Nilai korelasi yang tinggi mencerminkan bahawa responden yang mempunyai kefahaman yang lebih tinggi terhadap ajaran Islam cenderung untuk mengamalkan ajaran tersebut dengan lebih baik. Korelasi ini selari dengan jangkaan bahawa kefahaman yang mendalam terhadap prinsip dan nilai agama sering menjadi asas penting dalam membentuk tingkah laku beragama.

Kemudian pengkaji menjalankan analisis regresi. Regresi sering digunakan untuk menganalisis hubungan sebab-akibat (Montgomery et al., 2021). Hasil analisis mendapatkan bahawa kefahaman mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pengamalan Islam dalam kalangan responden. Nilai koefisien regresi (β) adalah 0.843 yang menunjukkan bahawa bagi setiap peningkatan satu unit dalam purata skor kefahaman, purata skor pengamalan Islam akan meningkat sebanyak 0.843 unit. Selain itu, nilai t bagi kefahaman adalah 10.199 yang mana ia menunjukkan bahawa hubungan ini sangat signifikan secara statistik ($p < 0.05$). Hal ini memberikan bukti kukuh bahawa kefahaman terhadap ajaran Islam memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap pengamalan Islam dalam kalangan responden. Sehubungan itu, **H1** bagi kajian ini dapat diterima.



Rajah 2: Hasil Penemuan Ujian Hipotesis

Perbincangan

Hubungan positif yang kuat antara kefahaman dan pengamalan Islam dengan nilai korelasi *Pearson* sebesar 0.736 menunjukkan bahawa responden dengan kefahaman yang lebih tinggi cenderung untuk mengamalkan ajaran Islam dengan lebih baik. Ini mencerminkan bahawa kefahaman terhadap prinsip agama bukan sekadar teori tetapi mampu diterjemahkan ke dalam amalan yang nyata. Hubungan ini menekankan pentingnya pendidikan dan bimbingan agama dalam meningkatkan tahap kefahaman masyarakat. Penemuan ini juga selari dengan teori-teori pembelajaran sosial yang menyatakan bahawa kefahaman menjadi asas kepada perubahan tingkah laku, di mana individu yang memahami sesuatu nilai lebih cenderung untuk mengintegrasikan nilai tersebut dalam kehidupan harian mereka.

Analisis regresi mengukuhkan lagi peranan kefahaman sebagai pemangkin utama kepada pengamalan Islam, dengan nilai koefisien regresi ($\beta = 0.843$) yang menunjukkan pengaruh signifikan. Setiap peningkatan satu unit dalam kefahaman dijangka meningkatkan tahap pengamalan secara substantif. Nilai t (10.199) yang tinggi dan signifikan memperlihatkan hubungan ini bukan hanya kebetulan statistik tetapi mencerminkan realiti dalam kalangan responden. Penemuan ini memberikan implikasi praktikal kepada institusi agama dan pihak berkepentingan, yang perlu menumpukan usaha kepada program pendidikan dan kefahaman agama untuk memperkuuhkan pengamalan di peringkat individu dan komuniti. Usaha memperbaiki kefahaman agama boleh menjadi strategi yang berkesan untuk membentuk masyarakat yang lebih menghayati ajaran Islam secara holistik.

Implikasi

Kajian ini telah menghasilkan beberapa implikasi positif yang dapat dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu impak kepada teori, impak kepada organisasi dan pemantapan bagi kaedah kajian yang sedia ada.

Pertama sekali adalah impak daripada segi teori. Kajian ini memberikan sumbangan yang penting kepada teori khususnya dalam konteks hubungan antara kefahaman dan pengamalan dalam amalan keagamaan. Dapatkan kajian yang menunjukkan hubungan positif yang kuat antara kefahaman dan pengamalan Islam ($r = 0.736$) menyokong teori pembelajaran sosial yang menekankan bahawa kefahaman atau pengetahuan adalah asas kepada tingkah laku yang dihayati. Kajian ini juga mengukuhkan idea bahawa kefahaman yang mendalam terhadap prinsip agama memainkan peranan utama dalam pembentukan tingkah laku sebagaimana yang dinyatakan dalam model kognitif-tingkah laku. Selain itu, kajian ini menambah kepada literatur dengan menunjukkan bahawa kefahaman bukan sahaja berkait rapat dengan pengamalan tetapi ia juga menjadi pemacu utama dalam meningkatkan amalan tersebut seperti mana yang dibuktikan melalui analisis regresi ($\beta = 0.843$). Oleh itu, kajian ini memberi sokongan empirikal kepada teori sedia ada dan membuka ruang untuk kajian lanjut bagi memperhalusi peranan kefahaman dalam konteks lain seperti nilai moral dan tingkah laku sosial.

Seterusnya, impak terhadap organisasi menunjukkan bahawa kajian yang dijalankan ini boleh digunakan sebagai dasar dan panduan strategik oleh pihak KAGAT dalam untuk merangka program pembangunan rohani dan pendidikan agama. Dengan bukti bahawa kefahaman berperanan penting dalam mempengaruhi pengamalan, pihak KAGAT boleh memberi tumpuan kepada program yang memperkuuhkan kefahaman terhadap ajaran Islam. Selain itu, hasil kajian ini boleh digunakan untuk memperbaiki modul latihan rohani dan pembangunan peribadi anggota dengan memberikan penekanan kepada kefahaman agama sebagai cara untuk meningkatkan pengamalan. Secara lebih luas, dapatan ini juga dapat membantu organisasi merancang strategi untuk membentuk persekitaran yang lebih menyokong dalam membimbing anggota untuk mengamalkan nilai-nilai agama dalam kehidupan harian mereka.

Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa kefahaman terhadap ajaran Islam memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi tahap pengamalan Islam dalam kalangan responden. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kajian ini memberikan implikasi praktikal dan teoretikal yang penting khususnya dalam menyokong usaha untuk meningkatkan kefahaman agama sebagai strategi utama dalam memperkuuh pengamalan Islam. Penemuan ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak terutama KAGAT untuk merancang program pendidikan dan pembangunan rohani yang lebih berfokus. Kajian ini juga membuka ruang untuk kajian lanjut yang memperincikan mekanisme hubungan antara kefahaman dan pengamalan dalam konteks yang lebih luas.

Rujukan

- Abdullah, H.M., Abdul Salam, M.S. & Mohd Abbas, A.R. 2020. Peranan akhlak dalam kehidupan: tinjauan wacana akhlak Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 38-54.
- Ary, D, Jacobs, L.C & Razavieh, A. 2002. *Introduction to Research in Education*. Belmont: Wadsworth/Thompson Learning.
- Azmi, Z. 2019. "Pengaruh warga Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) terhadap penghayatan agama dalam kalangan warga Angkatan Tentera Malaysia." *Jurnal Pengajaran Islam*, 12(2), 45-60.
- Borg, W.R. & Gall, M.D. 1979. *Educational Research: An Introduction*. Ed. 3. Longman.
- Bryman, A. 2001. *Social Research Method*. Oxford University Press.
- Al-Ghazali, M. 2000. *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Henseler, J., Ringle, C.M., & Sarstedt, M. 2015. A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modeling. *Journal of the academy of marketing science*, 43, 115-135.
- Kamus Dewan (Ed. ke-4). 2023. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kor Agama Angkatan Tentera. 2014. *Panduan pengurusan dan pentadbiran saudara muslim Angkatan Tentera Malaysia*. Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Kor Agama Angkatan Tentera. 2023. Kekuatan Saudara Muslim ATM berakhir Tahun 2023. MK ATM/G-SEK/AGAMA/100-5/2/2.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. 1970. *Determining sample size for research activities*. Educational and Psychological Measurement.
- Mohd Rashidi, B., & Azmil, H. 2020. Peranan Institut Latihan dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia dalam memperkuuhkan penghayatan agama. *Journal of Islamic Studies and Civilization*, 8(2), 45-58.
- Mohd Zulfikaar, A.A. & Zaifuddin, M.R. 2023. Cabaran mualaf di Malaysia dan cadangan penyelesaian. *Jurnal Pengajaran Islam*, 16 (1), 121-132.
- Montgomery, D.C., Peck, E.A. & Vining, G.G. 2021. *Introduction to linear regression analysis*. John Wiley & Sons.

- Nor Adilah, N.H. 2021. Tahap kefahaman dan pengamalan adab pergaulan dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama dan sekolah menengah kebangsaan di Kajang. *Tesis Sarjana*, UKM.
- Remiswal, R. 2022. The effect of emotional intelligence and PAI learning on religious behaviour in SMA Adabiah 1 Padang, Indonesia. *DAYAH: Journal of Islamic Education*, 5(1), 19-34.
- Roslinda, S. 2018. Tahap kefahaman dan pengamalan Islam pelajar muslim orang asli sekolah menengah negeri Johor. *Tesis Sarjana*, UKM.
- Sekaran, U., & Bougie, R. 2020. *Research Methods for Business: A Skill-building Approach* (8th ed.). Hoboken, NJ: John Wiley & Sons Inc.
- Siti Aishah, Y., Norhasima, A., Suzyliana, M., Atini, A. & Nor Azilah, J. 2021. Hubungan penghayatan agama dan sokongan sosial terhadap tekanan dalam kalangan mualaf di Melaka. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 22-38.
- Wan Irfani Najwa, W. I. & Norsaleha M. S. 2022. Penghayatan amalan beragama dalam kalangan mualaf di Segamat, Johor. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*, 2(1), 50-58.
- Zuhayli, W. 2002. Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, Juz I. *Beirut: Dar el-Fikr*.